

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(B)8**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

8. Apakah strategi Kerajaan Negeri dalam memberi pampasan / ganti rugi kepada masjid / surau / Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang bakal memberi laluan kepada projek Transit Aliran Ringan (LRT)?
- (a) Setakat ini, berapakah masjid / surau / RIBI telah dikenal pasti yang terkesan di bawah projek LRT? Nyatakan.
  - (b) Adakah tapak sembahyang berpusat bakal disediakan bagi mengatasi isu timbul oleh projek LRT?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Proses pewartaan Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi koridor jajaran Fasa 1 telah dilaksanakan supaya pihak MRT Corp dapat menjalankan kerja-kerja ukur dan ukur tanah. Pihak MRT Corp kini juga sedang dalam proses mengadakan perbincangan dengan pemegang-pemegang taruh berkaitan (*stakeholders*) untuk memuktamadkan pengambilan balik tanah berdasarkan Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960. Maklumat-maklumat terperinci perlu dirujuk dengan Kementerian Pengangkutan atau MRT Corp.

PLANMalaysia Pulau Pinang telah melaporkan dalam MMK Hal Ehwal Bukan Islam (HEBI) Bil.4/2024 pada 22 Oktober 2024 bagi mempertimbangkan kaedah atau strategi penyelesaian perihal memberi pampasan / ganti rugi kepada masjid / surau / Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang bakal memberi laluan kepada Projek Transit Aliran Ringan (LRT). Namun jawatankuasa memutuskan untuk mengadakan perbincangan terlebih dahulu bersama MRT Corp untuk mendapatkan maklumat terperinci.

- (a) Pihak MRT Corp memaklumkan bahawa perbincangan sedang diadakan dengan pihak masjid/ surau / rumah ibadat bukan Islam (RIBI) yang terlibat. Hasil perbincangan ini akan dimaklumkan kelak.

Sepanjang jajaran Laluan Mutiara belum ada perancangan untuk sebarang pemindahan masjid/ surau / rumah ibadat bukan Islam (RIBI). Walau bagaimanapun, terdapat laluan yang berkemungkinan akan merentasi sebahagian ruang tanah di pinggir kawasan masjid / surau / rumah ibadat bukan Islam (RIBI).

- (b) Setakat ini Kerajaan Negeri tidak menerima permohonan daripada mana-mana pihak bagi penyediaan tapak sembahyang berpusat yang akan melibatkan pelaksanaan projek LRT Laluan Mutiara.